

Newspaper	Berita Harian
Date	14/11/2012

Perpustakaan Perdana simpan 11 juta ucapan

BH -
14/11/2012



Tun Dr Mahathir (kiri) **beramah mesra** dengan pelajar sekolah pada Hari Terbuka dan Pelancaran Keahlian Pustaka Perdana di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya. [FOTO SALHANI IBRAHIM / BH]

Putrajaya: Perpustakaan Perdana di Yayasan Kepimpinan Perdana, gedung menyimpan maklumat mengenai pemimpin negara dan susur galur pembangunan negara dalam

semua aspek, yang dibuka kepada umum.

Berlainan dengan kelaziman konsep perpustakaan yang sebahagian besarnya menempatkan buku berun-

sur fiksiyen dan bukan fiksiyen, Perpustakaan Perdana menyimpan 11 juta dokumen mengandungi ucapan bekas Perdana Menteri ketika mentadbir negara.

Masyarakat tidak lupa asal usul

Presiden Kehormat, Yayasan Kepimpinan Perdana, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata perpustakaan itu ditubuhkan kerana mahu memastikan masyarakat tidak lupa pada asal usul mereka.

"Banyak bertanya bagaimana Malaysia, yang sebelum ini hanya negara berasaskan pertanian dan perlombongan, kini membangun dengan jayanya.

"Jadi, kita pun jawab apa yang kita tahu saja, kadang-kadang apa yang kita beritahu tidak cukup untuk memperkenalkan Malaysia ini dengan cara sebaik mungkin.

"Justeru, lebih baik segala surat atau ucapan yang pernah dibaca oleh pemimpin terdahulu diletak di satu tempat supaya umum dapat belajar dari situ, "katanya ketika melancarkan kad keahlian Perpustakaan Perdana dan Hari Terbuka Yayasan Kepimpinan

Perdana, di sini.

Dibuka setiap hari Isnin hingga Jumaat

Perpustakaan itu dibuka pada setiap hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang. Tiada bayaran dikenakan bagi menjadi ahli sekiranya seseorang tidak berhasrat meminjam buku.

Bagi yang berminat meminjam buku, mereka dikenakan bayaran RM10 bagi memohon kad keahlian untuk tempoh setahun. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menelefon Izyat menerusi talian 03-88858900 atau emel kepada adnan@perdana.org.my.

“
Lebih baik segala surat atau ucapan yang pernah dibaca oleh pemimpin terdahulu diletak di satu tempat supaya umum dapat belajar dari situ”

Dr Mahathir Mohamad,
Presiden Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana